

18/09/1997

Malaysia pusat sidang dunia

Faizal Fadzil

PETALING JAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir berharap Malaysia akan dikenali sebagai pusat persidangan dan pameran bertaraf dunia yang terkemuka.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyediakan pelbagai dasar pragmatik bagi menyokong sektor swasta membangunkan projek mega berkaitan industri di negara ini.

Selain itu, katanya, kerajaan bersedia memberi insentif seperti Elaun Cukai Pelaburan berdasarkan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang akan membantu menyelesaikan masalah di peringkat permulaan operasi projek terbabit.

Selain menarik pengunjung ke negara ini, katanya, matlamat kerajaan ialah menjadikan Malaysia sebagai pusat konvensyen dan pameran dunia.

"Pembinaan pelbagai hotel kelas satu bertaraf dunia di negara ini selaras dengan sasaran kerajaan itu," katanya ketika merasmikan Hotel Sunway Lagoon Resort di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Kumpulan Sungei Way, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah.

Hotel yang bernilai RM320 juta dan mempunyai 439 bilik itu dilengkapi pelbagai kemudahan moden termasuk pusat pameran dan konvensyen terbesar yang sesuai bagi acara antarabangsa.

Dr Mahathir berkata, pembinaan kemudahan yang canggih seumpama itu sudah tentu menjadi pemangkin bagi pengusaha hotel dan pusat pameran lain untuk lebih berdaya saing sekaligus meningkatkan taraf kemudahan perkhidmatan itu di negara ini.

Selain itu, katanya, hotel itu terletak pada kedudukan yang strategik berdekatan dengan pusat pertumbuhan yang baru seperti Perkampungan Sukan Komanwel, Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

Katanya, pusat pertumbuhan itu akan dihubungkan dengan Subang dan Bandar Sunway menerusi rangkaian jalan ekspres, kereta api elektrik dan monorel yang sedang dibina secara bersendirian dalam Bandar Sunway.

Menurutnya, semua prasarana akan memudahkan orang awam untuk pergi ke pelbagai tempat dengan memastikan semua lokasi pusat pertumbuhan strategik itu dihubungkan dengan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Satu hari, MSC mungkin merangkumi Bandar Sunway dan hotel ini, yang ketika ini hanya dipisahkan oleh Lebuhraya Shah Alam yang baru," katanya.

(END)